

02/10/1998

Ketua Pemuda dirujuk ke MT

TAIPING, Khamis - Kes Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi besar kemungkinan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno untuk dikenakan tindakan disiplin atau tidak.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, beliau percaya, kes Zahid akan dibincangkan dalam mesyuarat MT untuk memutuskan tindakan ke atasnya kerana dikaitkan dengan gerakan refomasi Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, ahli Umno yang melakukan salah laku bertentangan dengan Perlembagaan Umno boleh dikenakan tindakan oleh jawatankuasa itu dan MT.

"Sama ada apa yang dilakukannya melanggar atau tidak perlembagaan parti, saya tidak pasti, kerana saya belum melihat laporan. Setakat ini, kita lihat pada zahir saja sokongannya terhadap Anwar.

"Bagaimanapun, kemungkinan kes beliau dirujuk kepada jawatankuasa itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran seramik di Hentian Bukit Merah, dekat sini, hari ini.

Ramli yang juga Menteri Besar Perak berkata, Umno negeri akan mendapatkan maklumat lengkap dan bukti sebelum mengambil tindakan wajar jika ada Ketua Bahagian Umno di Perak menyokong gerakan reformasi Anwar, termasuk mengadakan demonstrasi.

Menurutnya, pihaknya percaya Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno meneliti laporan mengenai dakwaan itu yang boleh mengancam keselamatan negara.

"Saya rasa tindakan akan diambil, tetapi sebanyak mana mereka yang terbabit di Perak, saya tidak tahu," katanya.

Sebelum ini, Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, mendakwa ada bahagian Umno menerima sehingga RM 1 juta manakala pemimpinnya diberikan bayaran bulanan antara RM5,000 hingga RM10,000 untuk menjalankan kegiatan subversif bagi menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno.

Ramli berkata, beliau akan meminta maklumat lengkap daripada Mohamed mengenai perkara itu kerana beliau belum pasti kesahihannya.

Menurutnya, beliau tidak tahu sama ada bahagian di Perak termasuk dalam senarai maklumat yang dimiliki Mohamed Rahmat, kerana hanya membaca melalui media massa saja.

Katanya, jika ada bahagian Umno di Perak terbabit, pihaknya akan cuba menjalankan gerakan pembersihan dan pemulihan balik terhadap bahagian berkenaan.

"Bagaimanapun, setakat ini, saya tidak pasti di mana Mohamed mendapat maklumat angka bahagian Umno yang didakwa terbabit dengan kegiatan berkenaan, dengan jumlah bahagian begitu besar," katanya.

(END)